

Jurugambar rakam UFO di kincir angin

kosmo 11/05/2010 M/S 49



GAMBAR yang dirakamkan oleh Rye menunjukkan sebuah objek terbang tidak dikenali (dalam bulatan) dirakamkan di kawasan kincir angin di Norfolk, England pada bulan lalu.

NORFOLK – Beberapa makhluk asing yang mengendalikan objek terbang tidak dikenali (UFO) mungkin tersilap membuat pusingan menyebabkan penerbangan mereka dikesan di sebuah kincir angin pada abad ke-19 di Norfolk, England.

Menurut sebuah akhbar semalam, UFO itu dikesan oleh seorang jurugambar, Peter Rye yang sedang merakamkan kawasan kincir angin tersebut pada waktu malam.

Rye berkata, pada mulanya dia tidak melihat atau mendengar sebarang bunyi ganjil semasa merakamkan gambar tersebut.

Namun, dia mula menyedari terdapat sesuatu yang ganjil selepas melihat gambar yang dirakamkan itu di rumahnya.

Gambar itu dirakamkan pada bulan lalu.

Lokasi UFO yang dirakamkan itu tidak jauh dari sebuah pangkalan Tentera Udara Diraja Britain.

Seorang pakar UFO, Nick Pope berkata: "Ia merupakan gambar yang menarik." – Agensi